

PM: Bekerja dengan ikhlas satu ibadat

Disiplinkan

55 23 1986

diri berjimat

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan umat Islam mendisiplinkan diri ke arah mengamalkan sikap berjimat cermat menggunakan masa dan harta kekayaan.

Perdana Menteri mengingatkan, pembaziran akan membawa kepada kepincangan ekonomi yang akhirnya mendorong seseorang itu melakukan jenayah seperti rasuah, merompak dan mencuri.

Sebaliknya, berjimat cermat menggunakan masa dan harta benda bukan sahaja membantu mengukuhkan ekonomi seseorang atau sesuatu masyarakat, malah negara, tegasnya.

Dalam perutusannya di buku cenderamata *Musabaqah Membaca al-Quran peringkat antarabangsa ke-27*, Perdana Menteri berkata menggunakan masa untuk bekerja adalah juga ibadat jika disertai dengan niat yang suci dan ikhlas.

Beliau kesal kerana masih ramai umat Islam yang membazirkan masa dan berbelanja dengan boros sehingga

KUALA LUMPUR, Sabtu

menderita.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata umat Islam negara ini hendaklah menyedari, negara kini menghadapi kelembapan ekonomi dan amalan jimat cermat bukan sahaja menolong memperteguhkan ekonomi diri sendiri, bahkan juga ekonomi negara.

Mengenai tema musabaqah tahun ini *Berjimat Berkat, Membazir Mudarat*, beliau berkata tema itu dipilih berdasarkan pentingnya umat Islam membebaskan diri daripada pembaziran kerana amalan sedemikian amat dituntut oleh agama dan selari dengan roh al-Quran.

Pahala berganda

Beliau berkata amalan berjimat itu tidak terbatas kepada pendapatan seseorang atau zaman seseorang itu berada — sama ada meleset atau mewah.

Menurutnya, pengumpulan harta melalui sikap jimat cermat bukan sahaja menolong seseorang memperbaiki

ki hidupnya, bahkan dapat membantu saudara-saudaranya yang memerlukan pertolongan.

Paling penting ialah dengan harta yang terkumpul itu, seseorang dapat menggunakannya bagi mengembang dan memajukan Islam.

Perdana Menteri berkata: "Hasil usaha kita itu Allah akan membalasnya dengan pahala yang berlipat ganda sebagaimana yang dijanjikan oleh-Nya. Inilah yang dikatakan berjimat membawa berkat."

Datuk Seri Dr Mahathir menarik perhatian, amalan membazir sama ada di segi perbelanjaan, waktu, tenaga dan sebagainya amat merugikan diri sendiri kerana kesannya akan menggugat kestabilan ekonomi negara.

"Sebab itulah, Islam amat melarang umatnya melakukan amalan membazir yang dianggap sebagai saudara syaitan," tegasnya.

Menurutnya, antara kesan buruk yang dapat dilihat dengan jelas bagi orang-orang membazir ialah mereka akan menghadapi pelbagai masalah diri sendiri — tidak kira daripada golongan mana sekalipun.